

**SOALAN NO:143**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID [ KUALA LANGAT ]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 143**

**YB Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan untuk menambah baik atau menyediakan doktor-doktor pakar di Hospital Banting.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk menambahbaik dalam menyediakan perkhidmatan kepakaran di semua fasiliti KKM termasuk di Hospital Banting dan ini dilaksanakan secara berperingkat. Pada masa ini, terdapat 11 orang pakar telah ditempatkan di Hospital Banting yang terdiri daripada 3 orang Pakar Pediatrik, 3 orang Pakar Perubatan Kecemasan, 2 orang Pakar Perubatan Dalaman, seorang Pakar Anestesiologi, seorang Pakar Obstetrik & Ginekologi dan seorang Pakar Psikiatri. Selain daripada itu, di bawah

konsep hospital kluster, perkhidmatan kepakaran tambahan di Hospital Banting juga diberikan secara berkala oleh pakar dari Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang mengikut jadual yang ditetapkan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

KKM juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan Pakar Perubatan supaya pada masa akan datang lebih ramai Pakar Perubatan dapat ditempatkan di Hospital KKM termasuklah Hospital Banting. Antara usaha yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan pengambilan Pegawai Perubatan menjalani program sarjana kepakaran dengan Hadiah Latihan Persekutuan daripada 800 slot sehingga tahun 2014 kepada 1,000 slot mulai tahun 2015.
- (ii) Menggalakkan Pegawai Perubatan yang berminat untuk menjadi pakar menjalani latihan kepakaran melalui program laluan paralel.
- (iii) Melantik semula Pakar Perubatan yang telah tamat kontrak untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.
- (iv) Melantik semula secara kontrak Pakar Perubatan warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.
- (v) Mendapatkan perkhidmatan kepakaran dari pihak swasta untuk berkhidmat secara sesional.
- (vi) Menggalakkan Pakar Perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.